

1. Apakah jenis kenderaan yang dibenarkan menggunakan Lebuhraya SMART?

Hanya kenderaan 4-roda yang tidak melebihi ketinggian 2 meter dibenarkan memasuki Lebuhraya SMART.

2. Terdapat berapa laluan masuk dan keluar bagi pengguna Lebuhraya SMART?

Terdapat 3 laluan keluar dan masuk bagi Lebuhraya SMART iaitu Jalan Sg. Besi, Jalan Davis dan Jalan Tun Razak. Ia merupakan jalan alternatif untuk pengguna jalan yang selalu menggunakan laluan Sungai Besi.

3. Apakah yang perlu anda lakukan sekiranya berlaku kecemasan?

Jika menghadapi sebarang kecemasan atau kenderaan rosak, nyalakan lampu kecemasan, tunggu di dalam kereta dan hubungi 1 300 88 7188. Pusat Kawalan SMART akan menghantar bantuan dengan kadar segera.

4. Sekiranya saya tidak mempunyai telefon bimbit, apakah yang harus saya lakukan?

Cari pintu kecemasan yang terletak di setiap 250m di sepanjang Lebuhraya SMART. Telefon kecemasan yang terdapat di setiap pintu kecemasan akan menghubungkan anda terus dengan Pusat Kawalan SMART.

5. Dimanakah terletak Pusat Kawalan SMART?

Pusat Kawalan SMART terletak di Jalan Davis, berdekatan dengan Bulatan Kg. Pandan.

6. Bagaimana Pasukan Ronda SMART dapat mengesan lokasi saya sekiranya berlaku sebarang kecemasan?

Pusat Kawalan SMART beroperasi 24 jam sehari. Terdapat Sistem Kawalan Pengawasan dan Pelaksanaan Data (SCADA) untuk mengawasi dan memantau seluruh Lebuhraya SMART. Sistem pengesanan ini dapat mengesan sebarang keadaan tidak normal atau perubahan suhu di dalam terowong Lebuhraya SMART.

7. Apakah kelebihan Lebuhraya SMART?

Lebuhraya SMART dapat membantu mengurangkan kesesakan lalulintas dan mempercepatkan perjalanan di jalan keluar masuk pintu gerbang selatan Kuala Lumpur. Disamping itu, terowong SMART juga digunakan untuk mengurangkan masalah banjir di Kuala Lumpur.

8. Sekiranya saya sedang melalui terowong, bagaimanakah Pusat Kawalan SMART mengumumkan kepada saya mengenai penutupan terowong?

VMS (Variable Message Sign) berfungsi untuk memberikan maklumat trafik sekitar laluan berkaitan dengan Lebuhraya SMART, didalam terowong SMART dan juga penutupan ketika operasi sistem banjir akan dilaksanakan atau kemalangan.

Bantuan penyiaran maklumat melalui stesyen radio FM juga akan dilaksanakan. Siaran radio FM boleh diterima dan melalui siaran FM ini juga, Pusat Kawalan SMART boleh membuat pengumuman untuk memberi arahan melalui sistem penyiaran semula.

Keselamatan di dalam Lebuhraya SMART



SMART



SMART

Syarikat Mengurus Air Banjir & Terowong Sdn Bhd (599374-W)

Pusat Kawalan Terowong SMART, Jalan Davis, Off Bulatan Kg. Pandan, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 603-9284 9088 • Faks: 603-9284 6481 • Laman Web: www.smarttunnel.com.my

TALIAN BANTUAN SMART
1 300 88 7188

Untuk memastikan perjalanan anda selamat dan sempurna, Lebuhraya SMART telah menyediakan beberapa langkah keselamatan yang boleh anda rujuk. Selamat memandu.

Tip Ringkas Ketika Kecemasan

1. Laluan kecemasan

- Laluan kecemasan disediakan di sebelah lebuhraya.
- Pastikan anda berhenti di laluan kecemasan sekiranya berlaku sebarang kemalangan, kerosakan atau kecemasan lain.
- Terowong SMART di awasi dan di pantau 24 jam sehari oleh Pusat Kawalan SMART.

2. Talian Bantuan SMART 1 300 88 7188

- Hubungi 1 300 88 7188 untuk mendapat bantuan dari Pusat Kawalan SMART.
- Untuk mengenal pasti lokasi anda, sila rujuk kepada penanda lokasi yang terletak di dinding terowong.

3. Pintu kecemasan

- Pintu kecemasan terdapat di setiap 250 meter di sepanjang terowong lebuhraya.
- Sila rujuk kepada penanda lokasi untuk mengetahui pintu kecemasan yang terdekat.
- Tunggu di kawasan selamat sehingga Pasukan Ronda SMART tiba untuk menghulurkan bantuan.
- Pintu kalis api telah dipasang di setiap kawasan selamat yang terdapat di semua pintu kecemasan.



Laluan masuk ke pintu kecemasan

4. Telefon kecemasan S.O.S


- Terdapat telefon kecemasan S.O.S di semua pintu kecemasan.
- Telefon ini menghubungkan anda terus ke Pusat Kawalan SMART yang akan mengarahkan Pasukan Ronda SMART untuk menghulurkan bantuan.



Telefon kecemasan S.O.S di kawasan selamat.

5. Kawasan selamat dan lif kecemasan

- Kawasan selamat boleh didapati di setiap laluan kecemasan di dalam lebuhraya.
- Telefon kecemasan S.O.S boleh didapati di setiap kawasan selamat.
- Sekiranya berlaku kecemasan, anda perlu berada di kawasan selamat untuk menunggu sehingga pertolongan sampai.
- Lif kecemasan boleh didapati di setiap jarak 1km di dalam lebuhraya.
- Lif kecemasan hanya digunakan oleh Pasukan Ronda SMART dan pasukan penyelamat semasa kecemasan.



Laluan masuk ke lif kecemasan

6. Langkah yang perlu diambil sekiranya berlaku kecemasan

- Sekiranya kenderaan anda rosak di tengah jalan, nyalakan lampu kecemasan, tunggu didalam kereta dan hubungi 1 300 88 7188.
- Sekiranya berlaku kemalangan atau kebakaran, sila beredar dari kenderaan anda ke pintu kecemasan terdekat.
- Jangan panik kerana Pusat Kawalan SMART sudah mengesan kemalangan atau kecemasan tersebut dan telah menghantar Pasukan Ronda SMART untuk membantu anda.



Pasukan Ronda SMART



Pusat Kawalan
24 jam



Kenderaan melebihi
2m tidak dibenarkan
ke dalam terowong



Kamera litar
tertutup



Laluan lebuhraya
sehalu untuk dek atas
dan dek bawah



Sistem pengalihan udara
di dalam terowong



Resepsi radio
FM / telefon bimbit



Touch 'n Go

Sila patuhi papan tanda yang terdapat di dalam terowong.



Palang merah
- lorong ditutup



Anak panah hijau
- lorong dibuka



Patuhi had laju 60ksj
di dalam terowong



Pintu kecemasan
di setiap 250m



Telefon
kecemasan S.O.S



Anda sekarang berada
di km 3.0 ke arah selatan



Penanda jarak pintu kecemasan,
contohnya, 50m ke arah kanan